

Ukuran Paras Rupa Dalam Cerita Rakyat Malaysia

Sharifah Fazliyaton Shaik Ismail dan Asrar Omar

Universiti Utara Malaysia
sfsi@uum.edu.my, asrar@uum.edu.my

ABSTRAK

Cerita rakyat, sama ada berbentuk lisan mahupun tulisan, merupakan aspek budaya mana-mana masyarakat di seluruh dunia. Selain merakam nilai, kepercayaan dan adat masyarakat, terdapat juga cerita rakyat yang memerihalkan asal usul sesuatu tempat. Satu daripada elemen yang menonjol dalam cerita rakyat ialah gambaran paras rupa watak utama mahupun watak sampingan dalam cerita rakyat. Kurang kajian meneliti aspek gambaran kecantikan yang terdapat dalam cerita rakyat, terutamanya cerita rakyat masyarakat Melayu, meskipun ukuran kecantikan banyak dikupas dalam kajian cerita rakyat di Barat. Oleh hal yang demikian, kertas kerja ini berhasrat untuk membincangkan gambaran paras rupa dan kecantikan yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu. Kajian dilakukan terhadap 23 buah cerita rakyat daripada *Koleksi Cerita Rakyat Malaysia* yang dihimpun oleh Mohammad Shahidan et al. (2016). 17 buah cerita rakyat daripada koleksi cerita ini telah dianalisis dengan menggunakan analisis kandungan untuk menjawab tiga soalan kajian, iaitu Apakah kategori unsur yang digunakan penulis untuk memaparkan kecantikan? Berapa kerapkah paras rupa watak dan kecantikan dihuraikan dalam cerita rakyat? Apakah perkataan yang lazimnya diupayakan oleh penulis dalam mencorakkan atau menentukan gambaran paras rupa dan kecantikan? Analisis memperlihatkan bahawa gambaran kecantikan dan paras rupa diberikan kepada empat kategori unsur, iaitu manusia, makhluk kayangan, haiwan dan barangan harian. Dapatan menunjukkan bahawa watak wanita lebih kerap digambarkan sebagai 'cantik' berbanding dengan watak lelaki. Perkataan 'cantik' juga lebih lazim digunakan untuk menghuraikan keindahan fizikal watak. Puteri dari alam kayangan pula diberikan gambaran kecantikan yang berlebih-lebihan, begitu juga dua watak lelaki yang dihuraikan sebagai tampan secara berulang dengan menggunakan sinonim. Perkataan 'hodoh' turut ditemukan dalam gambaran paras rupa watak. Selain manusia dan makhluk kayangan, haiwan dan barangan harian juga turut diperihalkan sebagai menarik. Daya tarikan yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu ini secara tidak langsung mengajar pembaca muda bahawa kecantikan merupakan satu nilai yang sangat penting dalam norma masyarakat Melayu tradisional.

Kata kunci: Kecantikan, masyarakat tradisional Melayu, standard kecantikan, cerita rakyat, paras rupa

ABSTRACT

Folktales, whether conveyed orally or in written form, represent a significant aspect of the culture of societies worldwide. They serve not only to document the values, beliefs, and customs of communities but also to recount the origins of specific places. A key feature of folklore is the portrayal of the physical appearances of both main and supporting characters within the narratives. However, there is a notable lack of research focused on the depiction of beauty in folktales, particularly in Malay folktales, despite the extensive examination of beauty standards in western folktales studies. This paper aims to explore the images of beauty and physical appearance present in Malay folktales. The study examines 23 folk tales from the *Koleksi Cerita Rakyat Malaysia* compiled by Mohammad Shahidan et al. (2016). Out of this collection, 17 folk tales have been analyzed using content analysis to address three research questions: What types of elements do the authors use to depict beauty? How frequently are the characters' appearances and beauty described in the folktales? What terminology do writers commonly use to determine or

define the portrayal of appearance and beauty? The analysis found that the folktales authors depicted beauty and appearance through four types of elements: humans, celestial beings, animals, and everyday objects. The findings indicate that female characters are more frequently portrayed as '*cantik*' (beautiful) in comparison to their male counterparts. The term '*cantik*' is predominantly used to describe the physical attractiveness of the characters. The princess from the celestial realm is pictured as beautiful excessively, as are two male characters who are consistently described as handsome through the use of synonyms. Additionally, the term '*hodoh*' (ugly) also appears in descriptions of certain characters' physical appearances. Beyond humans and celestial beings, physical attractiveness is also attributed to animals and everyday objects. The emphasis on physical beauty within these Malay folktales subtly conveys to young readers that beauty is a significant value within the norms of traditional Malay society.

Keywords: Beauty, Malay traditional society, beauty standards, folktales, physical appearance

PENGENALAN

Cerita rakyat atau sastera rakyat yang diwarisi dari satu generasi ke generasi lazimnya menghubungkan khalayak pendengar atau pembaca kepada masa lampau, akar umbi budaya serta warisan mereka (Brown & Tomlinson). Pendedahan terhadap cerita rakyat, watak dan perwatakan yang terdapat dalam cerita rakyat serta tauladan yang dipelajari menerusi cerita rakyat akan menjadikan khalayak pembaca atau khayalak pendengar sebagai bangsa yang tahu dan kenal budaya.

Pentingnya cerita rakyat kepada generasi hari ini tidak seharusnya dipandang remeh. Cerita rakyat bukan sekadar memberikan hiburan (Brown & Tomlinson, 2008) kepada khalayak pendengar atau pembaca, bahkan ia juga berfungsi untuk mendidik masyarakat secara umum menerusi nilai dan kepercayaan yang terakam dalam cerita sebegini. Melalui cerita rakyat juga, khalayak pembaca dapat belajar tentang aspek budaya, kearifan tempatan, nilai dan norma kemasyarakatan, termasuklah nilai persahabatan, serta kekeluargaan. Selain nilai murni seperti nilai keberanian, kejujuran dan keadilan, satu lagi aspek yang agak menonjol dalam cerita rakyat ialah gambaran paras rupa dan kecantikan watak yang terdapat dalam cerita-cerita ini.

Kajian tentang cerita rakyat, bukanlah kajian yang baharu. Di luar negara, sudah banyak kajian dilaksanakan berhubung cerita rakyat (lihat misalnya kajian Bottigheimer, 1989; de Bruijn, 2019; Lwin, 2015; Magos, 2018; Rahman, 2017; Zipes, 2019). Dewasa ini pula, kajian tentang cerita rakyat Melayu juga semakin banyak digerakkan kerana timbulnya kesedaran dalam kalangan para sarjana bahawa sastera rakyat ini wajar dimartabatkan lantaran ia sarat dengan nilai warisan budaya Melayu (Mohd Firdaus Che Yaacob *et al.*, 2022).

Kebanyakan kajian yang dilakukan tentang cerita rakyat Melayu atau cerita rakyat Malaysia lebih cenderung berfokus pada aspek nilai murni (misalnya kajian Mohd Firdaus Che Yaacob *et al.*, 2017; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018, 2022), kearifan tempatan (lihat kajian Dilah Tuah, 2022; Mardiah Mawar Kembaren *et al.*, 2020), Arie Azharie Nasution, & M. Husnan Lubis, 2020), nilai-nilai Islam dan pembentukan akhlak (Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob, 2020; Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021), fungsi cerita rakyat sebagai medium pendidikan moral dan nilai moral (lihat kajian Muhammad Nur Al-Hakim *et al.*, 2021; Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021; Norfazirah Kamarudin & Nur Afifah Vanitha Abdullah, 2022), pendidikan (lihat kajian Mohd Nazri Abdul Rahman, Aishah Abdul Malek, & Muhammad Asyraf Mansor, 2021; Florina Jumil & Norjieta Julita Taisin, 2017; Mohd Nazri Abdul Rahman, *et al.*, 2017) dan animasi (lihat Siti Nursyahirah Saharudin *et al.*, 2020; Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nur Samsiah Mazlan, 2021). Namun, kajian yang meneliti

aspek kecantikan dalam cerita rakyat sangat terbatas. Oleh hal yang demikian, kertas kerja ini bermatlamat untuk melihat sejauh manakah gambaran paras rupa dan nilai kecantikan dipaparkan dalam cerita rakyat. Berapa kerapkah paras rupa watak dan kecantikan diuraikan dalam cerita rakyat? Apakah kategori unsur yang menjadi kanvas penulis dalam pemaparan keindahan? Apakah perkataan yang lazimnya diupayakan oleh penulis dalam mencorakkan atau menentukan gambaran paras rupa dan kecantikan? Ketiga-tiga persoalan ini akan cuba dirungkaikan dalam kertas kerja ini.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian berbentuk kualitatif ini meneliti tiga perkara, khususnya (1) kategori unsur yang diberikan gambaran paras rupa dan kecantikan, (2) kekerapan gambaran paras rupa dan kecantikan serta (3) kekerapan kata yang digunakan untuk memerihankan kedua-dua elemen ini dalam *Koleksi Cerita Rakyat Malaysia* (2016), karya Mohammad Shahidan dan lain-lain yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Analisis kandungan diupayakan untuk menganalisis ketiga-tiga aspek yang dinyatakan sebelum ini. Jadual 1 memperlihatkan judul cerita rakyat yang dianalisis. Kesemua cerita rakyat yang terkandung dalam koleksi ini dibaca sebanyak tiga kali sebelum pilihan cerita rakyat untuk dianalisis selanjutnya dilakukan.

Analisis kajian berfokus pada 17 cerita rakyat sahaja dan bukannya 23 buah cerita rakyat yang terdapat dalam *Koleksi Cerita Rakyat Malaysia* (2016). Hal yang demikian ini kerana deskripsi paras rupa dan kecantikan hanya ditemukan dalam 17 buah cerita rakyat ini sahaja. Enam lagi cerita rakyat yang ada dalam koleksi yang dianalisis, iaitu *Nasib Si Kura-kura* (Halilah Haji Khalid), *Balasan Si Penipu* (Halilah Haji Khalid), *Budak Cerdik* (Mahanie Sulung), *Badang* (Sharif Putera), *Si Geroda* (Sharif Putera) dan *Raja Bersiung* (A. Rahim Abdullah) tidak memuatkan gambaran kecantikan mahupun paras rupa.

Jadual 1 Judul cerita rakyat yang dianalisis

Bil.	Judul Cerita
1	<i>Saudara Yang Setia</i> (Mohamad Daud)
2	<i>Anggun Cik Tunggal</i> (Sharif Putera)
3	<i>Inderaputera</i> (Sharif Putera)
4	<i>Tenggang</i> (Sharif Putera)
5	<i>Mat Jenin</i> (Kamariah Mohamad Ali)
6	<i>Yatim Nestapa</i> (Kamariah Mohamad Ali)
7	<i>Awang Golok Besar</i> (Musa Awang)
8	<i>Mahsuri</i> (Abdul Rahim Abdullah)
9	<i>Sang Kelembai</i> (Wan Nan Wan Mahmud)
10	<i>Tuah Si Sulung</i> (Wan Nan Wan Mahmud)
11	<i>Malim Sakti</i> (Mohamad Shahidan)
12	<i>Puteri Gemala Ratna Sari</i> (Mohamad Shahidan)
13	<i>Puteri Dua Belas</i> (Mohamad Shahidan)
14	<i>Raja Dondang</i> (Mohamad Shahidan)
15	<i>Puteri Terkukur</i> (Mohamad Shahidan)
16	<i>Tuah Dua Beradik</i> (Norshidah Mohd. Saad)
17	<i>Malim Deman Dengan Puteri Bongsu</i> (Zulkifli Mansor)

Jadual 1 menunjukkan bahawa 9 orang penulis, iaitu Mohamad Daud (sebuah cerita), Sharif Putera (3 buah cerita), Kamariah Mohamad Ali (2 buah cerita), Musa Awang (sebuah cerita), Abdul Rahim Abdullah (sebuah cerita), Wan Nan Wan Mahmud (2 buah cerita), Mohamad Shahidan (5 buah cerita), Norshidah Mohd. Saad (sebuah cerita) dan Zulkifli Mansor (sebuah cerita) terlibat dalam penyusunan dan penulisan semula cerita-cerita rakyat yang terdapat dalam koleksi ini. Kertas kerja ini tidak berhasrat untuk menganalisis gender penulis yang kerap memuatkan gambaran paras rupa dan kecantikan dalam cerita rakyat mereka.

Kategori Unsur Yang Diberikan Gambaran Kecantikan dan Paras Rupa Serta Kekerapan

Jadual 2 merincikan kategori unsur yang diuraikan dengan pemerihalan kecantikan dan paras rupa dalam cerita rakyat yang dianalisis.

Jadual 2 Kategori unsur yang diberikan gambaran paras rupa dan kecantikan dalam cerita rakyat yang dianalisis

Kategori Unsur	Kekerapan Gambaran Positif	Kekerapan Gambaran Negatif
Haiwan	5	
Wanita (Puteri)	21	
Wanita (Rakyat Biasa)	6	2
Makhluk Kayangan (Puteri)	2	
Lelaki (Putera)	7	
Lelaki (Rakyat Biasa)	2	1
Lelaki dan Perempuan (Ibu Bapa)		2
Bayi (Lelaki)	2	
Bayi (Perempuan)	2	
Cincin	1	
Rumah	1	
Pakaian	2	

Jadual 2 menunjukkan bahawa terdapat empat kategori umum untuk unsur yang diberikan gambaran kecantikan dan paras rupa dalam cerita rakyat yang terpilih. Empat kategori umum tersebut ialah manusia, makhluk kayangan, haiwan, dan barangan harian. Kategori manusia terdiri daripada wanita (rakyat biasa), wanita (puteri), lelaki (putera), lelaki (rakyat biasa), bayi (lelaki) serta bayi (perempuan). Barangan harian pula diwakili oleh cincin, rumah dan pakaian.

Analisis memperlihatkan bahawa gambaran paras rupa dan kecantikan yang positif ditemukan sebanyak 51 kali dalam 17 cerita rakyat yang dianalisis. Gambaran yang negatif hanya berlaku sebanyak 5 kali. Gambaran paras rupa dan kecantikan, sama ada gambaran yang positif mahupun negatif banyak diberikan kepada wanita, khususnya puteri raja (21 kali), diikuti oleh wanita (rakyat biasa) (8 kali) dan lelaki, iaitu putera raja (7 kali). Haiwan (5 kali) juga didapati turut diberikan gambaran kecantikan. Bayi lelaki dan bayi perempuan turut tidak terkecuali dalam perlakuan kecantikan oleh para penulis cerita rakyat dalam koleksi ini. Gambaran kecantikan juga turut terakam dalam deskripsi barangan harian seperti pakaian (2 kali), rumah (1 kali), dan cincin (1 kali).

Kekerapan Kata Yang Digunakan Untuk Pemerihalan Paras Rupa dan Kecantikan

Jadual 3 memperlihatkan kekerapan kata yang diupayakan oleh 9 orang penulis cerita rakyat untuk menghuraikan paras rupa dan kecantikan dalam 17 buah cerita yang dianalisis.

Jadual 3 Kekerapan kata yang digunakan untuk pemerihalan kecantikan dan paras rupa mengikut kategori

Kata	Manusia	Makhluk Kayangan	Haiwan	Barangan Harian
Kecantikan	5			
Cantik	12		3	
Cantik-cantik	2			1
Teramat Cantik	2			
Amat Cantik	2			
Sangat Cantik			1	
Sungguh Cantik	6			
Terlebih Cantik		1		
Terlalulah Cantik		1		
Cantik Molek			1	
Jelita	2			
Teramat Indah				1
Segak	3			
Sangat Tampan	1			
Tampan	3			
Kacak	2			
Comel	2			
Elok (rupanya)	1			
Teramat Elok		1		
Hodoh	4			
Buruk	1			
Berkulit gelap	1			

Kata yang paling banyak digunakan untuk memerikan paras rupa dan kecantikan ialah perkataan 'cantik' yang digunakan sebanyak 12 kali dalam 17 cerita rakyat yang dianalisis. Kata 'cantik' kerap digunakan apabila penulis menghuraikan paras rupa watak manusia, terutamanya watak puteri raja. Watak Tuan Puteri Talela Madu Ratna dalam cerita *Inderaputera*, watak seorang puteri dalam *Saudara Yang Setia*, watak Puteri Indera Cahaya dalam *Yatim Nestapa*, watak Tuan Puteri Sejambak Budi dalam *Tuah Si Sulung*, watak Puteri Gemala Ratna Sari dalam cerita *Puteri Gemala Ratna Sari* dan watak Puteri Setarik Hati dalam *Puteri Tekukur* diperihalkan sebagai cantik. Watak wanita biasa seperti Mahsuri dalam cerita *Mahsuri*, calon isteri Mat Jenin dalam cerita *Mat Jenin* dan Melur dalam *Sang Kelembai* juga dirincikan sebagai 'cantik'. Selain itu, watak bayi lelaki yang baharu lahir juga digambarkan sebagai 'cantik' dalam cerita *Awang Golok Besar*. Barangan harian seperti 'pakaian' dalam *Puteri Tekukur* dan 'rumah' dalam *Sang Kelembai* turut dilukiskan sebagai 'cantik'. Dalam cerita *Tuah Dua Beradik*, watak burung yang dibeli oleh ayah tiri mereka, Tuk Saudagar dihuraikan sebagai 'cantik' sebanyak dua kali dan dalam *Puteri Tekukur*, watak burung tekukur juga dilihat sebagai 'cantik'. Analisis juga mendapati frasa

'sungguh cantik' ditemukan sebanyak 6 kali dalam cerita rakyat yang dianalisis untuk memerihalkan paras rupa watak manusia. Frasa 'sungguh cantik' digunakan untuk menghuraikan watak bayi yang baru dilahirkan dalam *Puteri Dua Belas* serta gambaran keindahan paras rupa Puteri Gemala Ratna Sari (5 kali) dalam cerita Puteri Gemala Ratna Sari. Puteri Gemala Ratna Sari juga diperihalkan sebagai 'teramat cantik' sebanyak dua kali, manakala frasa 'amat cantik' digunakan untuk merujuk paras rupaa Puteri Setarik Hati. Untuk gambaran kecantikan yang dimiliki haiwan pula, analisis menunjukkan bahawa penulis menggunakan 'sangat cantik' (1 kali) dan 'cantik molek' (1 kali). Perkataan 'cantik molek' digunakan untuk menggambarkan burung tekukur betina yang dikurung dalam sangkar oleh watak Tuah dalam *Tuah Si Sulung* (2016), manakala 'sangat cantik' digunakan untuk menggambarkan kecantikan 'dua ekor kuda' yang terdapat dalam cerita *Saudara Yang Setia* (2016). Barangan harian juga turut digambarkan sebagai cantik, 'cantik-cantik' misalnya merujuk keindahan pakaian yang dikenakan oleh Puteri Setarik Hati dalam cerita *Puteri Tekukur* (2016). Frasa 'teramat elok,' 'terlebih cantik' dan 'terlalulah cantik' pula digunakan untuk menghuraikan kecantikan Puteri Bongsu, anak raja kayangan dalam cerita *Malim Deman dengan Puteri Bongsu*. Frasa 'teramat indah' pula digunakan untuk merujuk cincin milik Puteri Bongsu dari kayangan yang dijumpai oleh watak Malim Deman. Menariknya, frasa yang menunjukkan kecantikan berkali ganda ('teramat', 'terlebih', 'terlalulah') ini tidak digunakan untuk wanita biasa atau puteri raja di dunia. Kata 'jelita' juga turut digunakan untuk menghuraikan Puteri Gander Eran dalam cerita *Raja Dondang*, manakala Mahsuri pula digambarkan bukan sahaja sebagai gadis yang cantik, bahkan dia juga 'jelita' (hal. 86). Gambaran Mahsuri sebagai 'gadis yang cantik lagi jelita' (hal. 86) ini memperlihatkan kecantikan Mahsuri yang tiada tandingnya.

Keadaan atau gambaran kecantikan yang hebat turut dapat diperhatikan dalam cerita *Malim Deman dengan Puteri Bongsu* apabila watak Malim Deman diceritakan sebagai 'Baginda kelihatan sangat segar lagi elok rupanya' (hal. 169). Paras rupa Malim Deman yang begitu elok menyebabkan Nenek Kebayan juga turut terpesona apabila melihat baginda. Selain dihuraikan sebagai 'segak' dan 'elok', watak Malim Deman juga digambarkan sebagai 'tampan'. Kata 'tampan' digunakan sebagai 3 kali untuk merujuk keadaan paras rupanya. Dalam cerita *Tenggang*, watak Si Tenggang juga digambarkan berubah daripada individu yang 'berkulit gelap' (hal. 54) pada awal cerita, Si Tenggang berubah 'menjadi pemuda tampan dan segak' (hal. 55). Perkataan 'segak' merupakan sinonim kepada 'tampan' dan 'kacak'. Perulangan gambaran paras rupa yang menarik ini yang diberikan kepada watak Malim Deman dan watak Si Tenggang menunjukkan usaha yang dilakukan oleh penulis untuk menunjukkan daya tarikan fizikal yang dimiliki oeh kedua-dua watak. Ketampanan yang dimiliki oleh Si Tenggang juga menyebabkan 'ramai orang besar-besar ...ingin menjadikannya menantu mereka (hal. 55).' Kata 'kacak' juga digunakan oleh penulis cerita rakyat untuk menghuraikan para rupa yang menarik yang dimiliki oleh watak Malim Sakti dalam cerita *Malim Sakti*. Watak digambarkan 'menjadi seorang pemuda yang kacak' (hal. 121) hingga menyebabkan 'Puteri Manik Seuntai jatuh cinta' (hal. 123) padanya.

Selain kata yang memerihalkan keindahan, kata yang menggambarkan paras rupa yang kurang baik juga turut ditemukan dalam analisis. Perkataan 'hodoh', sebagai contoh, digunakan sebanyak 4 kali dalam cerita rakyat yang dianalisis. Watak Malim Deman dalam cerita *Malim Deman dengan Puteri Bongsu* menyamar menjadi pengail tua yang hodoh untuk menghendap Puteri Bongsu di sungai, watak perempuan tua yang banyak membantu watal Badek dalam *Sang Kelembai* juga digambarkan sebagai mempunyai 'rupa hodoh' (hal. 106). Watak Si Deruma, ibu Si Tenggang dalam cerita *Si Tenggang* juga merintih tentang 'rupa mak dan rupa ayah hodoh. Tentu kamu tidak mahu mengaku' (hal. 59) semasa dia merayu agar anaknya Si Tenggang datang bertemu mereka, suami isteri. Isteri kedua Si Tenggang juga menghina paras rupa ibu bapa Si Tenggang apabila dia memanggil mereka 'orang tua hodoh' (hal. 59).

KESIMPULAN

Gambaran paras rupa dan kecantikan yang terakam dalam cerita rakyat yang dianalisis terpancar dalam empat kategori unsur, iaitu manusia (lelaki dan wanita), makhluk kayangan (dalam bentuk Tuan Puteri), haiwan dan barangan harian. Daripada keempat-empat kategori ini, watak wanita, terutamanya watak puteri lebih kerap diperihalkan sebagai 'cantik', yakni gambaran yang positif berbanding dengan watak putera raja. Selain manusia, haiwan dan barangan harian juga turut diperikan dengan rupa yang positif. Dari aspek penggunaan kata pula, analisis menunjukkan bahawa kata 'cantik' lebih banyak digunakan dalam 17 cerita rakyat yang diteliti. Kata 'cantik' bukan sahaja digunakan untuk menggambarkan keindahan paras rupa kaum wanita, bahkan bayi lelaki juga turut dihuraikan sebagai mempunyai para rupa yang cantik. Barangan harian dan haiwan juga turut disifatkan sebagai 'cantik.' Imej 'cantik' juga digambarkan dengan beberapa frasa yang menerangkan tahap kecantikan yang berbeza, misalnya 'sungguh cantik', 'amat cantik' dan 'teramat cantik. Frasa sebegini lazimnya digunakan untuk memerikan watak wanita. Dapatan juga menunjukkan bahawa frasa 'sangat cantik' tidak digunakan untuk manusia, tetapi digunakan untuk haiwan, khususnya 'kuda'. Untuk watak lelaki pula, perkataan 'tampan', 'kacak', 'segak' dan 'elok' lebih kerap digunakan untuk menerangkan keadaan paras rupa mereka. Dalam analisis, dapat dilihat bahawa penulis cerita rakyat yang diteliti cenderung untuk menggunakan gambaran yang berlebihan untuk menghuraikan watak lelaki. Hal yang sama juga dapat dilihat untuk gambaran kecantikan watak wanita dari kayangan. Besar kemungkinan, gambaran yang berlebihan ini dilakukan lantaran sifat cerita rakyat itu sendiri yang banyak menampilkan kehebatan watak wira.

Selain gambaran kecantikan, penulis cerita rakyat dalam koleksi ini juga menggunakan perkataan seperti 'hodoh' untuk memerihalkan keadaan paras rupa watak yang kurang menarik. Meskipun penggunaan perkataan yang negatif tidak begitu banyak ditemui dalam cerita rakyat yang dianalisis, namun kehadiran perkataan tersebut dapat meninggalkan kesan yang kurang menyenangkan, terutama sekali apabila ia digunakan dalam konteks yang kurang baik, misalnya dalam cerita *Tenggang* dan *Sang Kelembai*.

Rumusnya, gambaran paras rupa dan kecantikan yang terpancar dalam koleksi cerita rakyat Malaysia yang dianalisis menunjukkan bahawa masyarakat Melayu tradisional juga turut mempertimbangkan aspek kecantikan paras rupa dalam kehidupan mereka. Norma dan nilai budaya yang terakam dalam gambaran kecantikan ini juga memberikan pengajaran tentang makna sebenar kecantikan. Banyak lagi persoalan tentang gambaran kecantikan boleh dikupas, misalnya apakah kecantikan berfungsi untuk menentukan kejayaan watak? Apakah aspek ini menentukan baik buruknya sikap sesuatu watak? Kajian masa akan datang mungkin boleh mengupas representasi kecantikan dalam cerita-cerita rakyat untuk menambah kefahaman umum tentang kepentingan kecantikan dalam masyarakat Melayu, khususnya dan masyarakat Nusantara, secara amnya.

RUJUKAN

- Bottigheimer, R. B. (1989). *Fairy tales, folk narrative research and history*. *Social History*, 14(3), 343-357.
- Brown, C. L. & Carl M. Tomlinson, C. M. (2008). *Essentials of Children's Literature*. Pearson Education, Inc.
- de Bruijn, A. (2019). From representation to participation: Rethinking the intercultural educational approach to folktales. *Children's Literature Education*, 50, 315-332. <https://doi.org/10.1007/s10583-017-9330-x>.
- Dilah Tuah (2022). Sastera rakyat daripada perspektif kearifan tempatan dan potensinya kepada pelancongan budaya di Sarawak. *Akademika: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan Asia Tenggara*, 92(2), 153-168.

- Florina Jumil & Norjieta Julita Taisin. (2017). Nilai pendidikan dalam Tangon-tangon masyarakat Kadazandusun, *Pendeta: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 8(1), 36-46.
- Lwin. S. M. (2015). Using folktales for teaching. *The English Teacher*, 44(2), 74-83.
- Magos, K. (2018). "The Neighbor's Folktales": Developing intercultural competence through folktales and stories. *Bookbird: A Journal of International Children's Literature*, 56(2), 28-34.
- Mardiah Mawar Kembaren, Arie Azharie Nasution, & M. Husnan Lubis. (2020). Cerita rakyat Melayu Sumatra utara berupa mitos dan legenda dalam membentuk kearifan lokal masyarakat, *RUMPUN Jurnal Persuratan Melayu*, 8(1), 1-12.
- Mohammad Shahidan. (2016). *Koleksi Cerita Rakyat Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018). Gambaran nilai murni dalam seuntai cerita-cerita rakyat Melayu: Suatu pengaplikasian konsep Rohani, *Journal of Business and Social Development*, 6(2), n.p.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Nilai-nilai murni dalam cerita rakyat di Kota Bharu, Kelantan, *Jurnal Melayu*, 21(Special Issue), 157-172.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin, & Siti Nur Anis Muhammad Apandi. (2017). Cerminan moral positif dalam cerita-cerita rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 6(1), 35-44.
- Mohd Nazri Abdul Rahman, Aishah Abdul Malek, & Muhammad Asyraf Mansor. (2021). Pedagogi responsif budaya menerusi cerita rakyat untuk kemahiran literasi awal kanak-kanak, *Sains Insani*, 6(1), 91-98.
- Mohd Nazri Abdul Rahman, Mariani Md Nor; Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud, Lintan Rinau & Nor Asiah Muhamad. (2017). Cerita rakyat orang asal Sabah sebagai medium pembelajaran asas literasi: analisis keperluan, *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5(4), 26-30.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Nilai-nilai Islam dan pembentukan akhlak dalam cerita rakyat Melayu, *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 10(2), 48-56.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah, Mohd Firdaus Che Yaacob, Siti Fatimah Ab Rashid & Siti Aishah Jusoh. (2021). Polemik dalam cerita rakyat sebagai medium pendidikan moral kepada kanak-kanak, *Jurnal Melayu*, 20(2), 194-212.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Cerminan nilai-nilai Islam dalam *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu pendekatan takmilah*, *Journal of Business and Social Development*, 9(1), 52-62.
- Norfazirah Kamarudin & Nur Afifah Vanitha Abdullah. (2022). Nilai moral dalam bangsawan Tujuh Gong Sakti, *Jurnal Melayu*, 21 (Special Issue), 84-97.
- Rahman, F. (2017). The revival of local fairy tales for children education. *Theory and Practice in Language Studies*, 7(5), 336-344.
- Siti Nursyakirah Saharudin, Normaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, & Roslina Abu Bakar. (2020). Animasi cerita rakyat *Pekaka Bercerita Akim Yang Cerdik dan Cengkih*, *International Journal of Infrastructure Research and Management*, 8(1), 100-111.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nur Samsiah Mazlan. (2021). Keberkesanan unsur watak dan perwatakan dalam cerita rakyat dalam kalangan kanak-kanak dan remaja melalui media animasi, *Jurnal Melayu*, 20(2), 230-246.
- Zakia Tasmin Rahman, Ruhi Lal, Rajnish Ratna. (2022). An analytical study on the significance of folk and fairytales on the psychology of young children. *International Journal of Early Childhood Special Education (INT-JECSE)*, 14(5), 6508-6524.
- Zipes, J. (2019). Speaking the truth with folk and fairy tales: The power of the powerless. *Journal of American Folklore* 132(525), 243-259.